

09/10/2003

(Datuk Seri Dr Mahathir ... )

SUBANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam reaksinya berkata: "Apa yang kita mahu supaya Singapura menghentikan kerja penambakan itu sekarang dan tidak menunggu hingga keputusan akhir dibuat dan ia sudah tentu terlambat."

Perdana Menteri pada sidang media setibanya di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang, malam tadi, sekembalinya dari Bali selepas menghadiri Sidang Kemuncak Asean ke-9, berkata ITLOS membuat keputusan itu sebagai langkah sementara sehingga keputusan akhir dibuat.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mengkaji semua keputusan dan kesannya sehingga tindakan lanjut diambil.